

Siapakah Duta Bahasa Melayu?

Kursus Munsyi Muda Bahasa merupakan program yang termaktub di bawah Strategi 5: Mewujudkan Unit Khas Pelaksanaan Bahasa dalam rangka Tindakan Program Kebahasaan Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan 2015-2017. Pelaksanaan tersebut bermatlamat untuk membina kumpulan munsyi bahasa dan perujuk bahasa bagi memastikan penggunaan bahasa Melayu yang baik, adil dan santun dalam kalangan penjawat awam. Pelan tindakan tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Bil.1/2015 yang dipengerusikan oleh mantan Menteri Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 6 Mac 2015. Inisiatif ketiga dalam Strategi 5 memberikan latihan kebahasaan secara formal dan peringkat kepada pegawai Kementerian setiap sektor yang dilantik khas. Pegawai yang akan menjadi perujuk bahasa kepada Kementerian inilah yang digelar Munsyi Muda Bahasa.

Pelantikan penjawat awam dalam kalangan Pegawai Penguatkuasaan dan Profesional Gred 41 sebagai Munsyi Muda Bahasa dilakukan bagi mendukung usaha ke arah memartabatkan bahasa Melayu dan memastikan bahasa Melayu menjadi wahana komunikasi yang berkesan dalam pentadbiran kerajaan. Menurut Timbalan Ketua Pegawai Perkhidmatan Awam (Operasi) pada ketika itu, Ahmad Jailani Muhamed Yunus, lantikan pegawai perujuk bahasa terdiri daripada pelbagai Kementerian dan jabatan yang dilakukan selaras dengan Pelan Tindakan Program Kebahasaan Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan 2015-2017.

Pelantikan Munsyi Muda Bahasa dalam kalangan penjawat awam menurut Siti Haliza Yusop dalam ucapannya, "Martabatkan Bahasa Melayu Peringkat Pentadbiran," merupakan kesinambungan daripada Pelan Tindakan Perkhidmatan Bilangan 9, Tahun 2011 yang diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang mengandungi Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam. Sejak itu, penguatkuasaan bahasa Melayu dalam perkhidmatan awam rancak dilakukan. Hal ini terbukti apabila JPA juga memberikan "puji hijau" kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk melaksanakan Program Audit Bahasa Melayu di setiap Kementerian dan agensi kerajaan.

Berkaitan dengan peranan Munsyi Muda Bahasa yang ditauliahkan oleh JPA dan mendapat sokongan padu daripada DBP, timbul persoalan tentang usaha yang telah dan akan dilakukan oleh Munsyi Muda Bahasa dalam usaha mendaulatkan dan memartabatkan bahasa Melayu. Jawapan paling mudah bagi menjawab persoalan ini ialah Munsyi Muda Bahasa yang secara tidak langsung dianggap sebagai duta bahasa Melayu dalam negara seharusnya dilibatkan secara langsung dalam acara rasmi negara bagi mempromosikan penggunaan bahasa Melayu yang betul.

Pada dasarnya, menurut mantan Ketua Pengarah DBP, Datuk Dr. Awang Sariyan, Munsyi Muda Bahasa yang telah ditauliahkan oleh JPA itu sebenarnya menjunjung "amanah besar." Dalam erti kata lain, amanah besar tersebut berkaitan dengan usaha untuk mendaulatkan dan memartabatkan bahasa Melayu. Dalam ucapannya selepas merasmikan Kursus Pembinaan Munsyi Muda Bahasa untuk sektor perkhidmatan awam di INTAN, Kampus Utama Bukit Kiara, Kuala Lumpur pada 9 Jun 2015, beliau menjelaskan di bawah Pelan Tindakan Program Kebahasaan Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan 2015-2017, wujud perancangan untuk menubuhkan sebuah Unit Khas Pelaksanaan Bahasa bagi memastikan penggunaan bahasa Melayu yang baik, betul dan santun dalam kalangan penjawat awam. Amanah besar yang diletakkan di bahu Munsyi Muda Bahasa ini merupakan tanggungjawab penting untuk mendaulatkan dan memartabatkan bahasa Melayu, khususnya di Kementerian dan agensi kerajaan.

Oleh hal yang demikian, Munsyi Muda Bahasa bukan sahaja menjadi pegawai perantara antara Kementerian atau agensi kerajaan dengan DBP berkaitan hal kebahasaan, malah turut melaksanakan tanggungjawab penting bagi memastikan bahasa Melayu yang baik dan betul digunakan di Kementerian dan agensi masing-masing. Pada masa ini, kira-kira 40 orang penjawat awam yang terdiri dalam kalangan pegawai yang mempunyai latar belakang akademik yang berkelulusan dalam bidang linguistik, bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu serta mempunyai kecenderungan dalam bidang kebahasaan berjaya ditauliahkan sebagai Munsyi Muda Bahasa.

Selaku perujuk bahasa di Kementerian dan perantara antara Kementerian dengan DBP, Munsyi

Muda Bahasa dapat dianggap sebagai duta bahasa Melayu yang mempromosikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi agar digunakan sepenuhnya dalam urusan pentadbiran kerajaan. Selain itu, selaku duta bahasa yang ditauliahkan seharusnya mereka dilibatkan dengan program atau acara rasmi pada peringkat Kementerian khususnya dan negara amnya. Tujuannya adalah untuk memastikan bahasa Melayu digunakan oleh pihak yang menganjurkan program tersebut di samping mempromosikan bahasa Melayu yang baik dan betul.

Konsep duta bahasa dari segi maknanya adalah berkaitan dengan definisi kata "duta" dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat*, iaitu utusan dan wakil yang dilantik secara sah yang dihantar oleh kerajaan untuk menggalakkan pelancongan dan pelaburan. Berkaitan dengan konsep duta bahasa, menurut mantan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak ketika berucap dalam Pertandingan Akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2017, peserta yang menyertai PABM dapat dianggap sebagai duta bahasa yang membantu negara memartabatkan bahasa Melayu di seluruh dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana peserta yang datang dari pelbagai negara itu fasih bertutur dalam bahasa Melayu dan mempunyai minat yang tinggi terhadap bahasa Melayu. Dengan secara tidak rasminya mereka telah menjadi duta bahasa Melayu di negara mereka sendiri.



Walau bagaimanapun, mereka yang dianggap sebagai duta bahasa Melayu tidak terhad dalam kalangan Munsyi Muda Bahasa sahaja. DBP yang ditubuhkan pada 22 Jun 1956 berperanan untuk mengembangkan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu.



Walau bagaimanapun, mereka yang dianggap sebagai duta bahasa Melayu tidak terhad dalam kalangan Munsyi Muda Bahasa sahaja. DBP yang ditubuhkan pada 22 Jun 1956 berperanan untuk mengembangkan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Selaras dengan peranan tersebut, DBP diterajui dan digerakkan oleh kumpulan perancang bahasa yang juga dianggap sebagai duta bahasa Melayu. Sebenarnya, kepakaran yang dimiliki oleh perancang bahasa di DBP dalam hal kebahasaan dan kesusasteraan Melayu menjadikan mereka bukan sahaja sebagai duta bahasa malah sebagai perujuk, pembimbing, pengajar dan penatar ilmu bahasa dan sastera Melayu. Sebelum adanya Munsyi Muda Bahasa, DBP telah melantik sekumpulan Munsyi Dewan yang berperanan untuk mengendalikan kursus, ceramah dan taklimat bahasa Melayu di sektor awam dan swasta. Program pembinaan Munsyi Dewan yang bermula pada tahun 1995 ini bertujuan untuk melahirkan pakar rujuk bahasa Melayu untuk membantu DBP dalam usaha mengembangkan bahasa Melayu di sektor awam dan swasta.

Guru dan pensyarah yang mengajarkan bahasa Melayu di sekolah dan universiti juga dianggap sebagai duta bahasa. Menurut Yahya Othman, Roselan Baki dan Naapie Mat dalam makalah "Pendidikan Bahasa dan Nilai Ekonomi," guru bahasa Melayu memegang tanggungjawab sebagai duta bahasa Melayu kerana mereka berperanan mengangkat martabat bahasa Melayu dalam dunia pendidikan. Tanggungjawab guru sebagai duta bahasa Melayu pada peringkat sekolah bukan suatu perkara yang mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana guru Bahasa Melayu perlu mengayun langkah dengan berani dan yakin untuk mendaulatkan dan memartabatkan bahasa Melayu serta beriltizam bagi membangunkan anak bangsa melalui pendidikan bahasa Melayu.

Pada hakikatnya, di tangan guru bahasa Melayu lahirlah duta bahasa Melayu yang diperlukan untuk mengembangkan bahasa Melayu di dalam dan luar negara. Pada masa ini, Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah dilaksanakan melalui pelbagai bentuk transformasi pendidikan yang diserapkan melalui Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penekanan KBAT dalam PdPc mata pelajaran Bahasa Melayu adalah berdasarkan hakikat bahawa bahasa ialah fakulti dan operasi akal. Maka, di sinilah peranan guru sebagai duta bahasa Melayu, iaitu untuk menyedarkan pelajar betapa tingginya nilai bahasa Melayu yang dahulunya menjadi lingua franca di alam Nusantara.

6

“Jika mahu melantik
duta bahasa secara rasmi,
orangnya harus dipilih dalam
kalangan pejuang bahasa
mampu dan komited untuk
mengangkat kedudukan dan
memperjuangkan
martabat bahasa
Melayu.”

- Profesor Datuk
Dr. Hasan Mad.



”



Profesor Dato' Dr. Teo Kok Seong dianugerahi Tokoh Pemartabat Bahasa Melayu.

Berkaitan dengan soal siapa yang selayaknya dilantik
sebagai duta bahasa dan apakah usaha terbaik yang
dapat dilaksanakan oleh duta bahasa ini, Profesor Datuk
Dr. Hasan Mad, Setiausaha Agung Majlis Perundingan
Bahasa Melayu pernah menyentuh hal ini dalam tulisannya
yang bertajuk “Pejuang Bahasa Melayu Tanggungjawab
Kita”. Menurut beliau, jika mahu melantik duta bahasa
secara rasmi, orangnya harus dipilih dalam kalangan
pejuang bahasa yang mampu dan komited untuk
mengangkat kedudukan dan memperjuangkan martabat
bahasa Melayu.

Beliau menambah bahawa sasterawan negara
yang bersedia pada bila-bila masa untuk
dianugerahkan sebagai duta bahasa Melayu. Seterusnya,
duta bahasa juga mencadangkan duta bahasa ini menerajui
gerakan nasional, menjelajah ke seluruh negara,
mengunjungi sekolah dan institusi pendidikan, agensi
perniagaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) termasuk
serta institusi perniagaan, keselamatan dan
kesihatan, malah kedutaan Malaysia di luar
negara. Melalui usaha ini juga duta bahasa dapat
mempromosikan keindahan bahasa dan budaya Melayu



Datuk A. Aziz Deraman, Profesor Emeritus Datuk Dr. Ishak Haron, Datuk Adilah Shek Omar, Datuk Aznil Haji Nawawi dan Datuk Dr. Awang Sariyan antara penerima Anugerah Tokoh Pejuang Bahasa.

Seong dianugerahi Tokoh Pemartabat Bahasa Melayu
Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur oleh DBP.
Hingga tahun 2017, sebanyak lima orang ahli akademik
dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Bahasa Melayu,
iaitu Profesor Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar (2012),
Profesor Dato' Dr. Mohd Yusof Haji Othman (2013),
Profesor Dr. Nor Hashimah Jalaluddin (2014), Profesor Dr.
Noriah Mohamed (2016) dan Profesor Dr. Nik Hazlina Nik
Hussain (2017).

Seterusnya, nama-nama seperti Profesor Emeritus
Dato' Dr. Asmah Haji Omar dan Profesor Emeritus
Dato' Dr. Nik Safiah Karim terkenal di seluruh negara
sebagai pakar bahasa dan tokoh ulung bahasa Melayu.
Semua individu yang mendapat pengiktirafan tersebut
selayaknya bergelar duta bahasa. Walaupun konsep
duta bahasa mungkin berbeza daripada munshi bahasa,
ikon bahasa, tokoh bahasa, pakar bahasa dan pejuang
bahasa, mereka mempunyai satu misi yang sama, iaitu
mahu memartabatkan dan mendaulkan bahasa

Melayu, selain memperjuangkan taraf dan kedudukan
bahasa Melayu serta mempromosikan penggunaan
bahasa Melayu yang baik dan betul.

Pada masa ini, apa-apa juga kempen atau
produk pasti ada duta yang berperanan untuk
mempromosikannya agar kempen atau produk itu
mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat.
Oleh sebab itulah, bahasa Melayu juga memerlukan duta
yang dapat dilibatkan secara langsung dalam acara rasmi
negara sama ada di dalam ataupun di luar negara bagi
mempromosikan penggunaan bahasa Melayu yang betul.
Namun demikian, sesiapa sahaja yang berasakan dirinya
sebagai pejuang dan pencinta bahasa Melayu sebenarnya
mereka itulah yang menjadi duta bahasa yang sebenar.
Walau bagaimanapun, peranan Munshi Muda Bahasa
sebagai duta bahasa Melayu disifatkan sebagai satu
langkah ke hadapan dalam usaha mendaulkan warisan
sejarah bahasa Melayu serta memperkasakan dan
mengantarabangsakan bahasa Melayu di persada dunia.